



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	15/4/2011



Suara Blog

Blog dan kempen Pilihan Raya Negeri Sarawak

SEPANJANG kempen Pilihan Raya Negeri Sarawak ke-10 yang sedang berlangsung, rakyat khususnya para pengundi bukan sahaja disalurkan dengan pelbagai maklumat menerusi media massa, tetapi tidak kurang hebat ialah peranan para penulis blog.

Sejak pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak sehingga hari ini, begitu banyak blog berkaitan Sarawak diwujudkan oleh kedua-dua pihak baik mesra kerajaan mahupun pembangkang.

Antara blog tempatan yang menarik untuk diikuti ialah **Sarawak Update** (sarawakupdate.com), **Sarawak Sun** (sarawak-sun.blogspot.com), **Sarawak Insider** (sarawakinsider.blogspot.com) **Rajah Mas** (rajahmas.blogspot.com) dan banyak lagi.

Antara isu yang paling hangat diperkatakan ialah mengenai kehadiran pemimpin pembangkang dari Semenanjung yang begitu ramai ke Sarawak, calon Ketua Menteri dari pihak pembangkang serta skandal calon pembangkang di Satok.

Muka Petang (mukapetang.blogspot.com) mendedahkan wujudnya pertelingkahan di pihak pembangkang apabila Ketua PKR Sarawak, Baru Bian telah dicanangkan oleh Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Ketua Menteri jika parti pembangkang berjaya memenangi pilihan raya itu serta memerintah Sarawak.

Blog itu berkata, salah seorang calon DAP, Violet Yong telah menyuarakan hasrat untuk meletakkan wakil parti itu sebagai Ketua

Menteri memandangkan sebelum ini kaum yang lebih kecil seperti Melanau sudah lama memerintah Sarawak.

"Siapakah orang yang dimaksudkan oleh Violet sebagai Ketua Menteri Sarawak dari parti DAP itu? Tentulah Chong Chieng Jen! Sekian lama nama Chong sudah dinobatkan sebagai Ketua Menteri tidak rasmi DAP..." kata blog ini.

Sarawak Insider (sarawakinsider.blogspot.com) pula membangkitkan kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang menggelar orang Sarawak tidak pandai berpolitik kerana masih bercawat, manakala DAP pula menyamakan SUPP sebagai 'orang utan'.

Kata blog ini, tindakan SUPP yang membantah kenyataan pembangkang itu dengan menaikkan sependuk seperti 'kami bukan orang utan' dan 'orang luar jangan masuk campur urusan negeri' adalah luahan sebenar rakyat Sarawak terhadap politik cauvinis yang diketuai oleh DAP.

"Sikap politik seperti ini harus ditolak oleh rakyat Sarawak kerana ia akan memecah belah perpaduan yang selama ini dibina oleh Barisan Nasional. 1Malaysia juga diterjemah daripada perpaduan rakyat Sarawak," katanya.

Tun Faisal (tunfaisal.blogspot.com) pula yang turut memaparkan rakaman video temubual bersama George Chan berkata, Yellow Rajah (dirujuk kepada Lim Guan Eng) tidak pernah mempedulikan nasib rakyat Miri.

Kata beliau yang memetik kenyataan

Chan berkata, mereka (pembangkang) tidak pernah berbuat apa-apa walaupun sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina di Miri.

"Jadi apa sebenarnya yang Yellow Rajah mahukan? Negeri mereka pun kelam kabut dan penuh kegagalan tapi masih rasa bagus untuk ajar orang Sarawak mentadbir Sarawak!

"Lihat' kegagalan Yellow Rajah dan DAP di negeri mereka, Pulau Pinang dan kerajaan pakatan pembangkang dalam membela rakyat," katanya.

Sementara itu, **Rajah Mas** (rajahmas.blogspot.com) pula memaparkan rakaman video seorang pemimpin Pas yang ditegur oleh penduduk kampung di Miri kerana cuba mengadakan ceramah politik di kampung tersebut.

Katanya, Pas mengamalkan sikap menakutkan umat Islam dengan laungan takbir tanpa sedikit pun mempunyai nilai ke arah perpaduan umat Islam, sebaliknya ceramah mereka lebih bersifat menghasut dan memburuk-burukkan pemimpin kerana mahu merebut kuasa di negeri ini untuk kepentingan parti.

Rajahmas mencabar mana-mana ahli dan pemimpin Pas, beranikah kalian bersumpah atas nama Allah menyebut nawaitu (niat) bertanding di Sarawak ini kerana hendak meninggikan syiar Islam bukan untuk kepentingan politik semata-mata?

"Tidakkah kalian berpakat-pakat meruntuhkan kepimpinan Islam sedangkan kalian mempergunakan Islam untuk memancing

undi?" kata blog ini.

Hilbert Montell (hilbertmontell-anakmerdeka.blogspot.com) pula membidas manifesto pembangkang yang mempunyai tidak lebih hanya janji manis dan cerita-cerita karut untuk meraih sokongan pengundi di Sarawak.

Katanya, dakwaan bahawa 70 peratus rakyat Sarawak kini melarat merupakan satu pembohongan kerana sehingga kini tidak ada rakyat di negeri ini yang merempat dan terpaksa tinggal di bawah jambatan dan sebagainya.

Begitu juga dengan dakwaan bahawa 70 peratus rakyat Sarawak berada dalam keadaan miskin tegar.

"Apakah ada rakyat Sarawak merangkak atau menyeberangi Laut Cina Selatan merayu minta makanan daripada keluarga Anwar Ibrahim, keluarga Lim Kit Siang, keluarga Karpal Singh dan keluarga Abdul Hadi Awang?... tak pernah kan.

"Rakyat Sarawak tidak sehina itu, rakyat Sarawak ada maruah dan lebih bermaruah daripada keempat-empat mereka itu!" katanya dengan penuh emosi.

Kata beliau, rakyat Sarawak perlu membuka mata seterang-terangnya dan fahamilah bahawa manifesto pembangkang itu tidak lebih satu fitnah dan kesinambungan penghinaan yang pernah dilemparkan oleh Hadi terhadap rakyat Sarawak.

Kelolaan LUKMAN ISMAIL
lukman@utusan.com.my